

## **FAKTOR PENENTU MEMBAYAR ZAKAT DI BADAN AMIL ZAKAT NASIONAL (BAZNAS) DALAM KALANGAN PEMBAYAR ZAKAT DI KOTA MEDAN, INDONESIA**

**Determinants of Paying *Zakāh* at the National *Zakāh*  
Agency (BAZNAS) Among *Zakāh* Payers in  
Kota Medan, Indonesia**

**Eri Yanti Nasution<sup>1</sup>  
Mohd Adib Ismail<sup>2</sup>  
Hairunnizam Wahid<sup>3</sup>**

### **ABSTRACT**

*Zakāh is an economic instrument that can improve the economy of a country. Indonesia is a country that has the largest Muslim population in the world. However, zakāh, which is the collective obligation of Muslims, has far from been implemented properly. Zakāh in Indonesia is still at the level of being a voluntary duty. This is exemplified by the fact that only some people pay*

---

<sup>1</sup> Master Candidate, School of Economics, Faculty of Economics and Business, The National University of Malaysia, 43600 Bangi, eriyanti.nasution@gmail.com

<sup>2</sup> Senior Lecturer, School of Economics, Faculty of Economics and Business, The National University of Malaysia, 43600 Bangi, mohadis@ukm.edu.my

<sup>3</sup> Senior Lecturer, School of Economics, Faculty of Economics and Business, The National University of Malaysia, 43600 Bangi, hairun@ukm.edu.my

*zakāh fitrah. Their awareness to pay zakāh is still very low. This awareness is influenced by external and internal factors. The internal factor relates to a lack of character and knowledge, while the external factor regards the zakāh institution itself. Zakāh institutions are the most important factors to improve public awareness to pay zakāh. However, the issue which is being debated currently is about the inactive role of zakāh institutions towards improving the collection of zakāh. Many people have a lack of trust towards zakāh institutions which lead people to pay zakāh informally. This study will analyze the factors that determine why people pay zakāh to the National Zakat Agency (BAZNAS) in Medan, Indonesia. This study employed a survey method through questionnaires to observe the determinants to pay zakāh. The data obtained was then analyzed using a descriptive method, Factor Analysis test, and Logistic Regression Analysis. The study found that people do not pay zakāh to BAZNAS because they are not aware that BAZNAS is the official zakāh institution. The factors that determine people's awareness regarding the existence of BAZNAS should be the role of BAZNAS itself. This study is expected to help BAZNAS to improve their role in order towards increasing zakāh payment in Medan.*

**Keywords:** zakāh, determinants, factor analysis, logistic regression, BAZNAS

## PENGENALAN

Zakat merupakan kewajiban Muslim yang Allah SWT atur dalam rukun Islam. Zakat adalah salah satu rukun Islam yang wajib dilaksanakan apabila seorang Muslim sudah mencukupi syarat-syarat tertentu seperti cukup *nīṣāb* dan *hawl*. Dalil kewajiban membayar zakat telah dinyatakan secara jelas dalam al-Quran melalui firmanNya yang bermaksud :

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَإِذَا أَنْزَكْتُمْ وَأَرْكَعُوا مَعَ الْرَّكِينَ ٤٣

“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjamaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk”.

(Surah al-Baqarah, 2: 43)

Dalam ayat ini, Allah SWT mewajibkan seorang Muslim untuk menunaikan zakat. Kewajipan tersebut selaras dengan kewajipan melaksanakan solat. Secara bahasa, zakat bermakna bersih dan suci. Konsep suci bermaksud zakat membersihkan harta seseorang Muslim daripada bercampur dengan hak Muslim yang lain. Dalam zakat, ada beberapa pihak yang menjadi asas utama untuk pembayaran zakat iaitu pembayar zakat (*muzakki*), amil yang merupakan individu atau institusi perantara zakat, dan penerima zakat (*mustahik*).

Mengenai amil dalam bentuk institusi atau agensi, terdapat perbezaan pendapat tentang keperluan penubuhan institusi untuk menguruskan zakat. Menurut pandangan dalam mazhab Ḥanafī, seorang *muzakki* dibenarkan mengagihkan zakat secara langsung kepada *asnaf* tanpa melalui lembaga atau kerajaan terlebih dahulu. Hal ini berdasarkan amalan yang dilakukan pada zaman pemerintahan Khalifah ‘Uthmān bin ‘Affan RA. Pada zaman baginda, seorang *muzakki* dibenarkan membayar zakat secara langsung kepada *asnaf*. Hal ini disebabkan oleh kebimbangan akan ada kemungkinan penyelewengan wang zakat yang sudah diterima. Namun *muzakki* masih boleh memberikan zakat melalui agensi kerajaan seperti binatang ternak yang sukar untuk diselewangkan. Pendapat ini disokong oleh pandangan dalam mazhab Shāfi‘ī yang menyatakan *muzakki* dibolehkan membayar zakat langsung kepada *asnaf*. Hal ini berbeza dengan pandangan dalam mazhab Malikī yang berpendapat bahawa semua zakat harus dibayar melalui kerajaan. Namun, sebuah kerajaan itu hendaklah adil, mampu menjalankan tanggung jawab dan dapat menguruskan wang zakat dengan baik. Maknanya, sukar untuk berlaku sebarang penyelewengan terhadap zakat. Pandangan ini sesuai dengan amalan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW, Khalifah Abū Bakar al-Siddiq RA dan Khalifah ‘Umar al-Khaṭṭab RA. Hal ini menunjukkan bahawa institusi zakat penting untuk menguruskan zakat dan dapat mengagihkan zakat kepada golongan *asnaf* yang memerlukan.<sup>4</sup>

Isu kutipan dan agihan zakat merupakan perkara yang hingga saat ini masih lagi diperbincangkan. Permasalahan ini muncul kerana terdapat pelbagai sebab yang berpunca daripada *mustahik*, *muzakki* atau amil yang merupakan orang atau institusi. Permasalahan tersebut berpunca daripada beberapa faktor iaitu, pertama daripada *muzakki*. *Muzakki* ialah orang yang membayar zakat kerana mendapatkan rezeki daripada Allah dan memenuhi syarat wajib zakat seperti hartanya cukup *niṣāb* dan *hawl*. Zakat yang perlu dibayar ialah zakat fitrah dan zakat harta. Namun, realitinya ramai masyarakat hanya membayar zakat fitrah sahaja. Hal ini disebabkan oleh *muzakki* tidak faham bahawa zakat harta juga wajib dibayar.

<sup>4</sup> Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader, ‘Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati’. *Jurnal Syariah*, 17/1 (2009): 1-17.

Punca permasalahan selanjutnya ialah *mustahik*. *Mustahik* adalah golongan asnaf yang sudah diatur dalam al-Quran iaitu sebanyak lapan golongan yang terdiri daripada *al-fuqara* (orang fakir), *al-masakin* (orang miskin), amil, mualaf yang dilembutkan hatinya, *al-riqab* (hamba), *al-gharimin* (orang yang berhutang), *fisabilillah* (orang yang berjuang di jalan Allah), dan *ibn-sabil* (orang yang melakukan perjalanan). Masalah yang berpunca pada *mustahik* adalah dari aspek pengagihan kepada golongan asnaf tersebut tidak merata. Golongan yang menerima agihan tertinggi mendapat zakat ialah fakir dan miskin. Hal ini disebabkan oleh amil dan *muzakki* tidak mempunyai maklumat mengenai enam golongan lainnya yang juga berhak menerima zakat. Punca permasalahan ketiga zakat dapat dielakkan jika institusi zakat yang merupakan amil dapat menguruskan pengutipan dan pengagihan zakat dengan baik dan efisien. Namun sebaliknya, ramai *muzakki* kurang percaya kepada institusi zakat kerana kutipan dan agihan yang dilaksanakan dianggap tidak cekap. Selain itu, isu pengagihan zakat juga masih banyak menimbulkan perdebatan mengenai kaedah pengagihan yang mana agihan zakat kepada asnaf yang masih dipersoalkan sama ada penerima adalah layak atau tidak. Tambahan lagi, kemiskinan masih lagi berlaku walaupun beberapa institusi zakat mencatatkan prestasinya dalam mengurangi kemiskinan.<sup>5</sup>

Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS) adalah sebuah institusi zakat rasmi kerajaan Indonesia yang berpusat di Jakarta, Indonesia. Indonesia memiliki 34 provinsi yang terbahagi kepada 415 kabupaten/ kota seluruh Indonesia. Setiap kota di wilayah Indonesia memiliki cawangan BAZNAS yang secara langsung berkoordinasi dengan BAZNAS provinsi dan BAZNAS pusat. Medan adalah kota ketiga terbesar di Indonesia yang memiliki jumlah penduduk seramai 2,097,610 orang bagi tahun 2010.<sup>6</sup> Isu pengutipan dan pengagihan zakat juga terjadi di kota Medan. Permasalahan ini disebabkan oleh tiga aspek yang menjadi faktor utama dalam pengurusan zakat, iaitu *muzakki*, asnaf dan institusi zakat seperti yang dijelaskan di atas. *Muzakki* kota Medan tidak seluruhnya membayar zakat yang diwajibkan iaitu zakat fitrah dan zakat harta kerana tidak mengetahui jenis zakat yang wajib dibayarkan. Sebahagian *muzakki* pula berpendapat bahawa zakat yang wajib dibayarkan hanya zakat fitrah sahaja dan dibayar pada bulan Ramadhan. Keadaan seperti ini membuatkan jumlah kutipan zakat harta di kota Medan sangat sedikit

<sup>5</sup> Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader, ‘Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati,’ 1-17.

<sup>6</sup> Pemerintahan Provinsi Sumatera Utara, ‘Jumlah Penduduk Kota Medan,’ <http://www.sumutprov.go.id/>, dicapai pada 28 Julai 2015.

dan hanya beberapa golongan sahaja yang membayarkan zakat harta. Aspek selanjutnya ialah *mustahik* yang tidak diketahui jumlah yang sebenar daripada lapan asnaf tersebut. Sebahagian *muzakki* kota Medan hanya mengetahui asnaf yang terdiri daripada dua golongan sahaja, iaitu fakir dan miskin. Permasalahan selanjutnya dalam pengutipan dan pengagihan zakat di kota Medan adalah berpunca daripada kurangnya pengetahuan masyarakat mengenai institusi yang dipercayai mampu untuk menguruskan zakat yang mereka bayar. Dengan kata lain, banyak institusi zakat yang terdiri daripada institusi kerajaan mahupun swasta yang belum dipercayai sepenuhnya oleh masyarakat. Namun, ada juga sebahagian masyarakat yang meletakkan kepercayaan kepada institusi zakat swasta kerana dapat menunjukkan catatan-catatan prestasi yang membuat masyarakat yakin. Pada hakikatnya, BAZNAS kota Medan merupakan institusi zakat yang seharusnya dipercayai oleh masyarakat kota Medan. Namun, pada kenyataannya masyarakat tidak mengetahui bahawa BAZNAS adalah institusi zakat rasmi kerajaan. Hal ini menyebabkan BAZNAS kota Medan tidak dapat mengumpul kutipan daripada *muzakki*. Hasilnya, *muzakki* lebih memilih membayarkan zakat secara tidak formal iaitu membayar zakat langsung kepada asnaf.

Oleh itu, kajian ini perlu dilakukan untuk menentukan tingkat pengetahuan dan ketaatan masyarakat kota Medan untuk membayar zakat. Selanjutnya, kajian ini akan mengenal pasti sejauh manakah masyarakat mengetahui fungsi dan peranan BAZNAS kota Medan sebagai institusi zakat rasmi kerajaan. Kajian ini akan menganalisis faktor masyarakat tidak membayar zakat pada BAZNAS kota Medan, serta untuk mengenal pasti faktor-faktor yang akan menentukan masyarakat membayar zakat pada BAZNAS.

Melalui kajian ini, ia diharap dapat membantu BAZNAS kota Medan untuk mengetahui alasan-alasan *muzakki* tidak membayar zakat kepada BAZNAS. Selain itu, dapatan kajian ini dapat mengusulkan penambahbaikan agar masyarakat membayar zakat kepada BAZNAS kota Medan. Kajian ini juga diharapkan dapat memberikan pengetahuan kepada *muzakki* bahawa membayar zakat selain zakat fitrah juga wajib dilakukan. Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi rujukan untuk BAZNAS kota Medan agar mengetahui semua hal yang diinginkan oleh *muzakki* dalam pengurusan zakat di kota Medan.

## KAJIAN LEPAS

Membayar zakat adalah kewajipan setiap Muslim yang telah memenuhi syarat-syarat tertentu seperti mempunyai harta yang sudah cukup *nīzāb* dan *hawl*. Namun, ramai anggota masyarakat yang belum melaksanakan kewajipan tersebut. Terdapat beberapa faktor yang membuat masyarakat tidak

membayar zakat. Faktor tersebut boleh dikategorikan sebagai faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman maksudnya ialah faktor yang berpunca daripada pembayar zakat itu sendiri. Sedangkan faktor luaran ialah faktor yang berpunca daripada institusi atau agensi untuk membayarkan zakat itu. Faktor jantina, umur, taraf perkahwinan, pendapatan dan perbelanjaan merupakan faktor yang mempengaruhi kepatuhan seseorang untuk membayar zakat.<sup>7</sup> Faktor-faktor tersebut secara signifikan mempengaruhi tingkat kesedaran seseorang untuk membayarkan zakat. Namun, antara semua faktor tersebut, faktor pendapatan ialah faktor yang paling mempengaruhi seseorang untuk membayarkan zakat. Tahap pendapatan serta perbelanjaan individu dan isi rumah secara signifikan mempengaruhi kesedaran untuk membayar zakat.<sup>8</sup> Ini bermakna, semakin tinggi pendapatan seseorang, maka akan meningkatkan kesedaran untuk membayarkan zakat.

Faktor luaran yang dapat mempengaruhi tingkat kesedaran individu untuk membayar zakat ialah institusi zakat yang akan membantu individu untuk mengagihkan zakat kepada golongan asnaf. Pembayaran zakat kepada institusi formal dipengaruhi secara positif oleh perasaan puas hati terhadap pengurusan pusat zakat.<sup>9</sup> Ini bermakna, rasa puas hati dalam kalangan pembayar zakat mempunyai hubungan positif dengan pembayaran zakat. Sebaliknya, apabila pembayar zakat tidak berpuas hati, maka ia akan memberikan impak kepada pembayaran zakat. Pembayar zakat akan membayar zakat kepada asnaf secara langsung. Perasaan tidak puas hati akan memberi kesan yang tidak baik kerana kemungkinan masyarakat akan membayar zakat langsung kepada asnaf.<sup>10</sup> Namun, bagi mereka yang belum membayar zakat dan ditambah lagi tidak puas hati terhadap pengagihan zakat oleh institusi zakat, akan menyebabkan mereka secara berterusan tidak akan membayar zakat kepada sesiapa pun. Ini akan membuat kesedaran untuk membayar zakat semakin buruk.

Institusi zakat merupakan faktor utama dalam meningkatkan pembayaran zakat. Apabila institusi zakat memberikan isyarat negatif kepada pembayar zakat, maka hal tersebut dapat membuat pembayar zakat tidak berpuas hati

<sup>7</sup> Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid, ‘Kesan Prestasi Agihan Oleh Institusi Formal Ke Atas Kepatuhan Membayar Zakat,’ *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 39 (2005): 53-69.

<sup>8</sup> Md Zyadi & Mariani Majid, ‘Prestasi Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia’. (Pascasidang Seminar Pengeluaran Awam dan Swasta: Justifikasi dan Realiti di Malaysia, Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999)

<sup>9</sup> Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid, ‘Kesan Prestasi Agihan Oleh Institusi Formal Ke Atas Kepatuhan Membayar Zakat,’ 53-69.

<sup>10</sup> Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid, ‘Persepsi Agihan Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal,’ 53-69.

dan membuat pembayaran secara langsung terhadap asnaf. Pembayaran secara langsung kepada asnaf disebut sebagai pembayaran zakat tidak formal. Imej korporat institusi zakat perlu diberi penekanan memandangkan pengaruh korporat sangat besar terhadap keyakinan agihan zakat, diikuti oleh faktor kaedah kutipan dan kaedah agihan zakat.<sup>11</sup> Oleh itu, institusi zakat harus meningkatkan keyakinan dan perasaan puas hati pembayar zakat. Pengutipan dan pengagihan zakat yang baik dan efisien dapat diwujudkan dengan kerja sama pembayar zakat, institusi zakat, golongan asnaf serta kerajaan.

Pemerintah merupakan golongan yang bertanggungjawab dalam menguruskan segala hal ehwal zakat yang bermula dari pengurusan kutipan hingga pengagihan zakat dengan meniru amalan yang dilakukan oleh para pemimpin Islam dalam pelaksanaan kutipan zakat.<sup>12</sup> Pendekatan yang dilakukan dengan cara mengirim amil-amil ke setiap rumah dan daerah selain memerangi golongan yang tidak mahu membayar zakat. Lokalisasi merupakan salah satu pendekatan yang dapat menyelesaikan masalah agihan zakat.<sup>13</sup> Melokalisasikan pentadbiran pengurusan zakat pada skop yang lebih kecil dengan cara penyerahan pengurusan zakat dari pemerintah pusat kepada pemerintah daerah yang dikenali sebagai desentralisasi. Lokalisasi akan menghasilkan sistem yang tepat, merata dan mudah kerana pengurusan dilakukan pada skop yang lebih kecil. Oleh itu, pembayar zakat tidak perlu bersusah-sudah ke pusat negeri. Manakala, asnaf-asnaf pula dapat dikenal pasti dengan lebih tepat dan lengkap.<sup>14</sup>

Indonesia merupakan negara yang memiliki penduduk Islam yang ramai. Namun, pengelolaan zakat masih belum lagi mencapai tahap maksimum disebabkan masih ramai masyarakat yang tidak membayar zakat walaupun ia suatu kewajipan. Kesedaran masyarakat untuk membayar zakat selain daripada zakat fitrah masih rendah. Meningkatkan kesedaran masyarakat untuk membayar zakat, langkah yang dapat diambil ialah dengan memberikan

<sup>11</sup> Hairunnizam Wahid , Radiah Abdul Kader & Sanep Ahmad, ‘Kesedaran Membayar Zakat: Apakah Faktor Penentunya?’ *International Journal of Management Studies*, 12/2 (2005): 171-189.

<sup>12</sup> Zaini, Rahman, Makbul, F Idris, ‘Transformational Leadership Dimensions and Affective Commitment: A Study on Political Workers’ (2<sup>nd</sup> International Conference on Management (2<sup>nd</sup> ICM 2012) Proceeding 11<sup>th</sup> - 12<sup>th</sup> , 2012).

<sup>13</sup> Muhammad Syukri Salleh, ‘Lokalisasi Pengagihan Zakat: Satu Cadangan Teoretis,’ dalam *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian & Perundangan*, ed. Hailani Muji Tahir & Abdul Ghafar Ismail (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006).

<sup>14</sup> Muhammad Syukri Salleh, ‘Lokalisasi Pengagihan Zakat: Satu Cadangan Teoretis.’

pengetahuan melalui pendekatan penerapan nilai-nilai yang ada pada zakat tersebut.<sup>15</sup> Nilai yang dimaksudkan ialah nilai *tarbiyah al-rūhiyyah* serta nilai-nilai sosial yang ada pada zakat. Penjelasan tentang nilai zakat ini akan memunculkan kesedaran masyarakat untuk membayar zakat.

Selain daripada faktor kesedaran masyarakat, pengelolaan zakat yang dilakukan amil di Indonesia juga belum mencapai tahap kecekapan. Semenjak mencapai kemerdekaan, pemerintah Indonesia tidak terlibat secara langsung dalam pengurusan zakat.<sup>16</sup> Pengurusan zakat dilakukan sendiri oleh masyarakat melalui institusi keagamaan iaitu masjid dan sekolah Islam. Kesannya, pengurusan zakat telah dilakukan secara sukarela (*voluntary system*). Hal ini membuat pengurusan zakat tidak mencapai tingkat optimum. Sistem pengurusan zakat mulai daripada *muzakki* yang membayar hingga pengurusan oleh amil harus ditingkatkan dari sistem sukarela (*voluntary zakat system*) menjadi sistem wajib (*obligatory zakat system*).<sup>17</sup> Hal ini dapat memaksimumkan peranan zakat sebagai instrumen ekonomi. Untuk itu, satu kajian untuk mengetahui tahap penerimaan masyarakat mengenai pengurusan zakat perlu dilakukan. Maka, kajian ini menganalisis faktor-faktor penentu pembayaran zakat di BAZNAS kota Medan untuk mempertingkatkan peranan zakat dalam membangun ekonomi masyarakat dan negara.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan beberapa metode bagi menghasilkan keputusan yang tepat di samping mengikut kerangka teori yang terlibat. Kajian ini dilakukan ke atas masyarakat Muslim kota Medan yang membayar zakat. Untuk mendapatkan data, kaedah tinjauan digunakan melalui soal selidik. Untuk itu, persampelan secara rawak berstrata dilakukan dengan mengedarkan soal selidik kepada 300 individu pembayar zakat melibatkan sebanyak 21 kecamatan atau kampung di dalam Kota Medan. Namun begitu, hanya 210 responden sahaja yang menjawab soalan dengan lengkap yang dapat dianalisis dalam kajian ini. Soalan soal selidik tersebut dibahagi kepada tujuh bahagian iaitu Bahagian A: Latar Belakang Responden, Bahagian B: Data Pendapatan, Bahagian C: Data Pembayaran Zakat, Bahagian D: Data Pembayaran Zakat,

<sup>15</sup> Lessy, Zulkifli, ‘Pemberdayaan Zakat Melalui Pendekatan Pendidikan Penanaman Nilai,’ *Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 2/1 (2005): 117-132.

<sup>16</sup> Mardian, Sepky, ‘Pengelolaan Zakat di Indonesia: Perspektif Sejarah dan Regulasi,’ *Jurnal Hukum Islam dan Ekonomi*, 1/2 (2012): 309-324.

<sup>17</sup> Mardian, Sepky, ‘Pengelolaan Zakat di Indonesia: Perspektif Sejarah dan Regulasi,’ 309-324.

Bahagian E: Data Pembayaran Zakat Langsung Kepada Asnaf, Bahagian F: Data Pengetahuan Tentang BAZNAS, dan Bahagian F: Faktor-Faktor Penentu Membayar Zakat Kepada BAZNAS. Data-data yang diperoleh disusun dan dianalisis menggunakan kaedah di bawah.

### Spesifikasi Model & Kaedah Analisis Data

Kajian ini menganggar kebarangkalian wujud hubungan antara tujuh faktor utama yang mempengaruhi pembayaran zakat di BAZNAS menggunakan Ujian Analisis faktor Eksploratori (EFA) dan Ujian Pengesahan Skala. Faktor-faktor tersebut ialah jantina, umur, pendidikan tertinggi, pendapatan, kesedaran dan kefahaman, pengetahuan tentang BAZNAS, dan peranan BAZNAS. Manakala, bagi melihat taburan demografi responden, pendekatan Statistik Deskriptif dan Ujian Perbandingan Min telah dilakukan.

Jadual 1: Demografi Responden

Maklumat Responden	Frekuensi	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	114	54.3
Perempuan	96	45.7
Umur		
20 - 30 Tahun	58	27.6
31 - 40 Tahun	71	33.8
41 - 50 Tahun	58	27.6
51 Tahun dan ke Atas	23	11.0
Status Perkahwinan		
Bujang	44	21.0
Kahwin	148	70.5
Duda/Janda	18	8.6
Pendidikan Akademik		
SMP	11	5.2
SMA	103	49.0
S1	71	33.8
S2 dan ke Atas	25	11.9
Sektor Pekerjaan		
PNS	42	20.0
Pegawai swasta	75	25.2
Pengusaha	17	8.1
Pedagang	35	16.7
Petani	41	19.5

Maklumat Responden	Frekuensi	Peratusan (%)
Pendapatan per Bulan		
< Rp 1.000.000	16	7.6
Rp 1.100.000 - Rp 2.000.000	53	22.5
Rp 2.100.000 - Rp 4.000.000	85	40.5
Rp 5.000.000 - Rp 7.000.000	18	8.6
>Rp 7.000.000	13	6.2
Penggunaan		
< Rp 1.000.000	31	14.8
Rp 1.100.000 - Rp 2.000.000	76	36.2
Rp 2.100.000 - Rp 4.000.000	68	32.4
Rp 5.000.000 - Rp 7.000.000	16	7.6
>Rp 7.000.000	4	1.9
Membayar zakat fitrah		
Ya	204	97.1
Tidak	6	2.9
Membayar zakat harta		
Ya	92	43.8
Tidak	118	56.2

Sumber: Kajian soal selidik.

Jadual 1 menunjukkan bahawa jumlah responden lelaki adalah seramai 114 orang dengan peratusan 54.3 peratus, manakala bakinya adalah responden perempuan. Kebanyakan responden adalah berumur 31 hingga 40 tahun iaitu seramai 71 orang dengan peratusan 33.8 peratus. Hasil soal selidik menunjukkan masyarakat kota Medan sedar untuk membayar zakat fitrah dengan jumlah 204 orang dari 210 orang yang membayar zakat. Namun, berbeza dengan pembayaran zakat harta, masih ramai masyarakat kota Medan yang tidak membayar zakat harta iaitu seramai 118 orang dengan peratusan 56.2 peratus.

Seterusnya, ujian regresi logistik akan digunakan untuk menguji apakah faktor penentu berkebarangkalian mempengaruhi masyarakat membayar zakat di BAZNAS. Model dibentuk dengan boleh ubah bersandar berbentuk binari iaitu sama ada masyarakat mengetahui BAZNAS atau tidak. Model yang dianggarkan secara umumnya adalah seperti berikut:<sup>18</sup>

<sup>18</sup> Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamed, ‘Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia’ *International Journal of Management Studies*, 13/2 (2006): 175-196.

$$P_i = E(Y=1/X) = 1 / (1+e^{-Z}) \quad (1)$$

Yang mana  $P_i$  adalah kebarangkalian bagi masyarakat mengetahui BAZNAS,  $Y=1$  untuk masyarakat yang tahu dan  $Y=0$  bagi masyarakat yang tidak tahu. Berdasarkan persamaan (1), kajian ini akan menguji beberapa pemboleh ubah yang dijangka mempengaruhi  $P_i$  seperti berikut:

$$Z_i = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \dots + \beta_i X_i \quad (2)$$

Yang mana  $Z_i$  adalah satu fungsi penentu  $f(X)$ , dengan  $X$  adalah pemboleh ubah bebas yang dijangka mempengaruhi pemboleh ubah bersandar iaitu jantina, umur, pendidikan tertinggi, pendapatan, kesedaran dan kefahaman, pengetahuan tentang BAZNAS dan peranan BAZNAS. Semua pemboleh ubah dalam persamaan (2) diuji untuk menentukan pemboleh ubah yang signifikan mempengaruhi faktor penentu masyarakat membayar zakat di BAZNAS.

Oleh itu, berdasarkan kepada persamaan (2), maka model khusus yang dianggarkan dalam kajian ini adalah:

$$L = \ln(P_i / (1-P_i)) = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \beta_6 X_6 + \beta_7 X_7 \quad (3)$$

Yang mana :

$L$	=	log bagi nisbah “odds” faktor penentu pembayaran
$X_1$	=	jantina
$X_2$	=	umur
$X_3$	=	pendidikan tertinggi
$X_4$	=	pendapatan
$X_5$	=	kesedaran dan kefahaman
$X_6$	=	pengetahuan tentang BAZNAS
$X_7$	=	peranan BAZNAS

## HASIL KAJIAN EMPIRIKAL

Selain EFA dan regresi logistik, kajian ini juga menganalisis kekerapan masykat mengetahui mengenai BAZNAS dan membayar zakat. Hasil kajian adalah seperti ditunjukkan oleh Jadual 2 dan Jadual 3.

Jadual 2: Masyarakat Mengetahui BAZNAS

	Kekerapan	Peratusan (%)
Tahu	92	43.8
Tidak Tahu	118	56.2

Sumber: Kajian soal selidik.

Jadual 2 menunjukkan bahawa kebanyakan masyarakat kota Medan iaitu seramai 118 responden dengan peratusan 56.2 peratus menjawab tidak mengetahui mengenai BAZNAS. Manakala, hanya 43.8 peratus atau 92 responden mengetahui mengenai BAZNAS. Angka ini menunjukkan bahawa dalam kalangan anggota masyarakat di kota Medan lebih ramai yang tidak mengetahui BAZNAS sebagai lembaga zakat rasmi negara berbanding yang mengetahuinya. Hal ini dapat menjelaskan mengapa masyarakat kota Medan ramai yang tidak membayar zakat di BAZNAS. Dengan kata lain, tingkat pengetahuan masyarakat terhadap BAZNAS masih sangat rendah ini menggambarkan bahawa masyarakat ramai yang tidak membayar zakat di BAZNAS kerana masyarakat tidak tahu tentang BAZNAS serta fungsi BAZNAS sebagai lembaga zakat.

Jadual 3: Membayar Zakat di Masjid

	Frekuensi	Peratusan (%)
Ya	200	95.2
Tidak	10	4.8

Sumber: Kajian soal selidik.

Jadual 4: Hasil Ujian Analisis Faktor

Kelompok Item	Muatan faktor	Min	Varians keseluruhan (%)
<b>Kesedaran dan Kefahaman</b>			
1. Zakat dapat membantu orang lain yang kurang mampu	0.848	4.69	63.508
2. Saya mengetahui membayar zakat dapat menyucikan harta	0.836	4.67	
3. Membayar zakat adalah kewajipan saya	0.681	4.70	

Faktor Penentu Membayar Zakat di Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS)  
dalam Kalangan Pembayar Zakat di Kota Medan, Indonesia

<b>Kelompok Item</b>	<b>Muatan faktor</b>	<b>Min</b>	<b>Varians keseluruhan (%)</b>
<b>Pengetahuan tentang BAZNAS</b>			
1. BAZNAS mensosialisasikan peranan dalam mengurus zakat	0.979	3.52	47.270
2. BAZNAS selalu mempromosikan tentang lembaganya agar masyarakat membayar zakat di BAZNAS	0.899	3.39	
3. Saya percaya BAZNAS menguruskan wang zakat dengan baik	0.890	3.60	
<b>Peranan BAZNAS</b>			
1. Saya kurang percaya terhadap pegawai BAZNAS	0.883	3.32	64.718
2. Menurut saya BAZNAS tidak mempromosikan sebagai lembaga zakat	0.868	3.47	
3. BAZNAS tidak ada peranan dalam mengurangi kemiskinan	0.858	3.52	

Nota: Min berdasarkan nilai skala likert; nilai 1 = sangat tidak setuju hingga 5 = sangat setuju

\*Ujian Kesefaran Bartlett: signifikan pada aras keertian 1%

Faktor kesedaran dan kefahaman, pengetahuan, serta peranan BAZNAS berkorelasi dan signifikan pada aras keertian 10%

Data yang di atas merupakan tiga item dengan muatan faktor tertinggi

Sumber: Kajian soal selidik.

Kesannya, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3, bahawa hampir keseluruhan masyarakat kota Medan membayar zakat di masjid. Seramai 200 orang responden dengan peratusan 95.2 peratus membayar zakat di masjid. Manakala, hanya 10 orang dengan peratusan 4.8 peratus daripada anggota masyarakat membayar zakat kepada institusi lain sama ada institusi zakat swasta atau kerajaan dan sebahagian masyarakat membayar zakat langsung kepada asnaf. Ini menyebabkan pembayaran zakat dilakukan secara tidak formal. Akibatnya, sistem untuk merekod data pengutipan dan pengagihan zakat tidak dapat dilakukan dengan tepat.

Berdasarkan dapatan dalam Jadual 2 dan Jadual 3, kajian ini akan menggunakan data pengetahuan masyarakat mengenai BAZNAS sebagai pemboleh ubah bersandar sebagai proksi kepada kecenderungan masyarakat

membayar zakat di BAZNAS. Ini kerana pengetahuan masyarakat mengenai BAZNAS sebagai institusi zakat rasmi kerajaan akan menentukan sama ada mereka akan membayar atau tidak zakat di BAZNAS. Dengan kata lain, jika masyarakat ramai tidak mengetahui mengenai BAZNAS, maka pembayaran sudah tentu tidak akan dilakukan di BAZNAS, manakala jika masyarakat sudah mengetahui mengenai BAZNAS, maka akan ada kemungkinan masyarakat akan membayar zakat di BAZNAS. Dapatkan ini penting untuk menentukan kedudukan model kebarangkalian dalam Persamaan (1).

Kemudian, kajian ini diteruskan dengan menganalisis faktor-faktor penentu masyarakat membayar zakat di BAZNAS dengan menggunakan kaedah EFA. Kajian ini menguji tiga pemboleh ubah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4 yang dijangkakan mempengaruhi penentu masyarakat mengetahui mengenai BAZNAS sebagai institusi zakat rasmi kerajaan. Setelah itu, mereka akan membuat keputusan membayar zakat di situ. Ketiga-tiga faktor ini mempunyai beberapa item yang menjelaskan pemboleh ubah yang berkenaan secara terperinci. Kajian ini menganalisis ketiga-tiga faktor berserta item yang terlibat untuk menentukan manakah item yang mempengaruhi setiap pemboleh ubah yang dikaji. Untuk itu, nilai faktor muatan dan komunaliti setiap item dirujuk. Analisis ini adalah untuk mengesahkan kesesuaian item tersebut dalam kelompok faktor yang dikaji. Item yang dikaji adalah yang memiliki nilai muatan dan komunaliti yang tertinggi kerana memberikan sumbangan terbesar terhadap pemboleh ubah.

Jadual 4 menunjukkan faktor kesedaran dan kefahaman disumbangkan oleh dua item utama berdasarkan nilai muatan faktor yang komunaliti tertinggi iaitu zakat dapat membantu orang lain yang kurang mampu (0.848) dan diikuti dengan responden mengetahui membayar zakat dapat menyucikan harta. Peratusan varians keseluruhan adalah tinggi yang menunjukkan kesemua item dapat menerangkan pemboleh ubah faktor faktor kesedaran dan kefahaman sebanyak 63.50 peratus. Namun, berbanding dengan faktor pengetahuan tentang BAZNAS, peratusan varians keseluruhan hanya 47.27 peratus. Akan tetapi, faktor muatan bagi ketiga-tiga item adalah tinggi. Item yang memiliki nilai muatan faktor dan komunaliti tertinggi ialah BAZNAS mensosialisasikan peranan dalam mengurus zakat. Selanjutnya, faktor peranan BAZNAS memiliki muatan faktor yang tinggi untuk semua pemboleh ubah. Item yang paling tinggi nilai muatan faktornya ialah responden kurang percaya terhadap pegawai BAZNAS (0.883). Peratusan varians untuk keseluruhan item adalah 64.718 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa kesemua item dapat menerangkan pemboleh ubah faktor peranan BAZNAS. Berdasarkan hasil ujian analisis faktor ini dapat diketahui bahawa varians keseluruhan tertinggi berada pada faktor peranan BAZNAS. Dengan kata lain, pemboleh ubah peranan BAZNAS menjadi penentu paling penting untuk menentukan

Faktor Penentu Membayar Zakat di Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS)  
dalam Kalangan Pembayar Zakat di Kota Medan, Indonesia

sama ada masyarakat membayar zakat di BAZNAS, terutama apabila mereka mengetahui mengenai BAZNAS. Kajian mendapati kesemua nilai muatan dan ujian kesefaraan Bartlett memenuhi spesifikasi yang dikendaki model.

Jadual 5: Klasifikasi Regresi Logistik

<b>Diramalkan</b>		<b>Tidak Tahu</b>	<b>Tahu</b>
Pemerhatian		70	10
	Tidak Tahu	18	25

*Nota* : Nilai batasan adalah 0.500

Peratusan Betul : Tahu = 58.1%, tidak tahu = 87.5%, keseluruhan 77.2%

Sumber: Kajian soal selidik.

Jadual 6: Hasil Regresi

Pemboleh ubah	Nilai Koefisien (B)	Exp (B)	Statistik Wald
Konstan	-1.192 (2.728)	0.304	0.191
Jantina	-0.643 (0.493)	0.526	1.699
Umur	-0.136 (0.240)	0.876	0.322
Pendidikan tertinggi	0.348 (0.381)	1.416	0.832
Pendapatan	0.538* (0.263)	1.713	4.184
Kesedaran dan kefahaman	0.416 (0.456)	1.516	0.832
Pengetahuan tentang BAZNAS	0.203 (0.308)	1.225	0.434
Peranan BAZNAS	-1.192* (0.296)	0.304	16.152

Pemboleh ubah	Nilai	Exp (B)	Statistik
	Koefisien (B)		Wald
Hosmer dan Lemeshow ( $\chi^2$ )	8.720 <sup>ns</sup>		
Cox dan Snell R <sup>2</sup>	0.250		
Nagelkerke R <sup>2</sup>	0.345		

Nota: ( ) ralat piawai

(1)pemboleh ubah dami

Model: regresi binari logistik.

Pemboleh ubah bersandar: mengetahui BAZNAS

<sup>ns</sup>tidak signifikan

\*signifikan pada aras keertian 10%

Sumber: Kajian soal selidik.

Sebelum ujian regresi logistik dilakukan, ujian kesahan jawapan responden dibuat. Seperti dalam Jadual 5, dapatan berdasarkan klasifikasi model menunjukkan bahawa kesahan jawapan oleh responden. Secara keseluruhannya, 77.2 peratus jawapan disahkan adalah benar kepada model yang dikaji. Seterusnya, model logistik diuji.

Jadual 6 menunjukkan dapatan regresi logistik berdasarkan model-model seperti dalam Persamaan (3). Jika dilihat pada dapatan tersebut, terdapat dua pemboleh ubah sahaja yang signifikan iaitu pemboleh ubah pendapatan dan pemboleh ubah peranan BAZNAS pada aras keertian sekurang-kurangnya sepuluh peratus. Pemboleh ubah pendapatan memiliki hubungan yang positif terhadap pembayaran zakat di BAZNAS. Ini bermakna bahawa satu unit kenaikan pendapatan akan meningkatkan kebarangkalian responden membayar zakat di BAZNAS adalah sebanyak 71.3 peratus.

Sebaliknya, untuk pemboleh ubah peranan BAZNAS memiliki hubungan yang negatif dengan masyarakat mengetahui BAZNAS. Peningkatan satu unit peranan BAZNAS, akan menurunkan kebarangkalian responden tahu mengenai BAZNAS adalah sebesar 69.6 peratus. Akan tetapi untuk pemboleh ubah peranan BAZNAS, semua item dijelaskan dengan dalam bentuk tanggapan negatif terhadap peranan BAZNAS. Oleh itu, semua pernyataan yang diberikan kepada responden ialah pernyataan negatif tentang peranan BAZNAS. Pernyataan negatif tersebut meliputi alasan-alasan responden tidak membayar zakat di BAZNAS kerana peranan BAZNAS selama ini tidak jelas. Seperti dijelaskan dalam bahagian sebelum ini, alasan-alasan tersebut dibuat untuk mengetahui faktor-faktor yang membuat masyarakat tidak membayar zakat di BAZNAS. Dengan itu, interpretasi dapatan tersebut adalah peningkatan

satu unit tanggapan negatif responden terhadap peranan BAZNAS, maka akan menurunkan kebarangkalian responden mengetahui BAZNAS sebesar 69.6 peratus.

Ujian diagnostik model regresi ini menunjukkan model adalah diterima. Ujian padanan model telah menggunakan *Hosmer* dan *Lemeshow* mencatatkan nilai *Chi-Square* sebanyak 8.720 (*sig* = 0.366) dengan 10 darjah kebebasan. Statistik tersebut menjelaskan bahawa model mempunyai padanan yang baik dengan data. Nilai bagi  $R^2$  pula menunjukkan variasi kesemua pemboleh ubah kepada model iaitu sebanyak 25.0 peratus bagi ujian *Cox* dan *Snell*  $R^2$  serta 34.5 peratus bagi ujian *Nagelkerke*  $R^2$ . Ini menunjukkan variasi pemboleh ubah bebas bagi model dalam menerangkan pemboleh ubah bersandar sebanyak 25.0 peratus dan 34.5 peratus.

## PERBINCANGAN & IMPLIKASI DASAR

Berdasarkan hasil analisis yang telah dibuat, masyarakat kota Medan masih ramai yang belum mengetahui BAZNAS sebagai institusi zakat. Perbandingan antara yang tidak mengetahui dengan yang mengetahui ialah masing-masing 56.2 peratus dan 43.8 peratus. Data tersebut dapat menyimpulkan bahawa masyarakat kota Medan ramai yang tidak mengetahui apakah lagi membayar zakat di BAZNAS. Pada awalnya, kajian ini dibuat untuk menganalisis faktor-faktor yang menentukan masyarakat membayar zakat di BAZNAS. Namun, dari hasil analisis data jawapan responden, dapat dilihat bahawa ramai anggota masyarakat tidak membayar zakat di BAZNAS. Selama ini, masyarakat membayar zakat di masjid. Data menunjukkan bahawa hampir keseluruhan masyarakat, (95.2 peratus) membayar zakat di masjid. Manakala, segelintir sahaja iaitu sebesar 4.8 peratus sahaja membayar zakat di institusi zakat lain serta langsung kepada asnaf. Oleh itu, kajian dilanjutkan untuk menganalisis faktor yang menyebabkan masyarakat tidak mengetahui BAZNAS sebagai institusi zakat rasmi negara. Sudah tentu tidak mungkin masyarakat membayar zakat di BAZNAS jika mereka tidak mengetahui BAZNAS serta tugas dan fungsinya dalam masyarakat.

Ujian regresi dilakukan dengan masyarakat mengetahui BAZNAS sebagai pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah bebas pula terdiri daripada tujuh pemboleh ubah iaitu jantina yang merupakan pemboleh ubah dami lelaki dan perempuan, umur, pendidikan tertinggi, pendapatan, kesedaran dan kefahaman, pengetahuan tentang BAZNAS, dan peranan BAZNAS. Berdasarkan hasil regresi yang diperoleh, pemboleh ubah yang secara signifikan mempengaruhi masyarakat mengetahui BAZNAS ialah pendapatan dan peranan BAZNAS.

Pendapatan berpengaruh secara positif kepada masyarakat mengetahui BAZNAS. Ini menunjukkan bahawa apabila pendapatan masyarakat meningkat maka akan meningkatkan pengetahuan masyarakat di BAZNAS. Faktor pembayaran merupakan komponen penting yang mempengaruhi masyarakat membayar zakat. Hal ini dapat dikaitkan dengan pengetahuan masyarakat terhadap BAZNAS.<sup>19</sup> Semakin tinggi pendapatan seseorang, maka ia akan mencari-cari tempat untuk membayarkan zakat. Kesedaran seseorang untuk membayar zakat dan mencari tempat membayar zakat akan meningkatkan pengetahuan mereka tentang institusi zakat.

Pemboleh ubah selanjutnya yang mempengaruhi masyarakat mengetahui BAZNAS ialah faktor peranan BAZNAS itu sendiri. Pemboleh ubah peranan BAZNAS adalah signifikan mempengaruhi masyarakat mengetahui BAZNAS. Namun, pengaruh yang signifikan tersebut adalah secara negatif. Bagi pemboleh ubah peranan BAZNAS, semua item pernyataan dibuat dalam pernyataan negatif. Maknanya, apabila peranan BAZNAS tidak wujud dalam masyarakat, maka situasi ini akan membuat masyarakat kurang mengetahui mengenai BAZNAS. Dengan kata lain, masyarakat tidak mengetahui BAZNAS sebagai institusi zakat kerana peranan BAZNAS selama ini tidak diketahui oleh masyarakat. Seharusnya, sesebuah institusi perlulah menonjolkan peranan kepada masyarakat, lebih-lebih lagi institusi yang tidak mementingkan keuntungan.

Masyarakat kota Medan masih memiliki kesedaran yang rendah untuk membayarkan zakat harta. Berdasarkan hasil analisis, hanya 92 orang yang membayar zakat harta daripada 210 responden. Maknanya hanya 43.6 peratus yang membayar zakat harta. Pengetahuan dan kesedaran masyarakat kota Medan terhadap zakat harta masih rendah. Masyarakat hanya tahu dan sedar untuk membayarkan zakat fitrah ketika bulan Ramadan. Untuk itu, menjadi tugas bagi BAZNAS untuk memberi pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat bahawa membayar zakat harta ialah wajib bagi yang cukup *niṣāb* dan *ḥawl*.

Sesebuah institusi yang ingin meningkatkan imejnya dalam masyarakat, sepatutnya memberikan bukti-bukti peranan yang sudah dilakukan agar masyarakat boleh percaya terhadap institusi tersebut. Apabila masyarakat melihat peranan-peranan institusi zakat, maka masyarakat akan mula mencari

<sup>19</sup> Nor Ghani Md Nor, Mariani Majid, Jaafar Ahmad & Nahid Ismail, ‘Can Privatization Improve Performance? Evidence From Zakat Collection Institutions,’ (Kertas kerja dibentangkan di Bengkel Ekonomi Islam Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001).

maklumat tentang institusi tersebut. Promosi yang baik yang dilakukan oleh sesebuah institusi ialah dengan cara promosi dari mulut ke mulut (*words of mouth*).<sup>20</sup> Promosi ini dilakukan dengan terlebih dahulu memberikan kesan yang positif terhadap masyarakat. Apabila BAZNAS dapat menunjukkan peranan dalam menguruskan zakat dengan baik, maka masyarakat yang sudah mendapatkan kesan positif daripada BAZNAS akan memberi maklumat kepada yang lain. Maklumat yang menjelaskan bahawa BAZNAS merupakan institusi zakat kerajaan dan akan mengajak masyarakat lain untuk membayar zakat di BAZNAS.

Berdasarkan hasil analisis tentang cadangan masyarakat terhadap BAZNAS, masyarakat menginginkan agar BAZNAS membuka kauunter zakat di masjid yang dekat dengan tempat masyarakat. Hal ini dicadangkan agar masyarakat dengan mudah membayar zakat. Dari hasil ujian faktor cadangan, cadangan yang memiliki muatan faktor paling tinggi ialah imam masjid diberikan pelatihan kemahiran untuk dapat menguruskan dengan sistem komputer. Hal ini sesuai dengan keadaan di mana masyarakat lebih banyak membayar zakat kepada masjid. Apabila BAZNAS dapat mewujudkan cadangan tersebut, maka akan meningkatkan masyarakat membayar zakat. Hal ini juga akan membantu masyarakat mengetahui bahawa BAZNAS merupakan lembaga zakat kerajaan. Namun, akan dibantu oleh imam-imam masjid yang dilantik sebagai amil di kawasan tersebut. Masjid merupakan institusi yang dipercayai dalam menyelesaikan masalah pengurusan dan pentadbiran zakat.<sup>21</sup>

## PENUTUP

Kajian ini menunjukkan bahawa majoriti masyarakat kota Medan masih belum lagi mengetahui mengenai kewujudan dan peranan BAZNAS sebagai institusi zakat kerajaan. Berdasarkan hasil soal selidik dengan responden, mereka tidak mengetahui tentang kewujudan BAZNAS. Selama ini, masyarakat kota Medan hanya mengetahui bahawa zakat mestilah dibayar kepada masjid atau langsung kepada asnaf. Daripada 210 responden yang disoal, seramai 200 orang yang membayar langsung kepada masjid. Selebihnya iaitu 10 orang membayar zakat kepada intitusi lain dan membayar secara langsung kepada asnaf. Setelah dilakukan ujian ke atas sampel data, yang menjadi punca mengapa masyarakat

<sup>20</sup> Bob Sabran (terj.), *Manajemen Pemasaran* (Jakarta: Erlangga, 2009).

<sup>21</sup> Hairunnizam Wahid & Radiah Abdul Kader, ‘Localization of Malaysian Zakat Distribution: Perception of Amil And Zakat Recipients,’ (Seventh International Conference - The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi, 2010).

tidak membayar zakat kepada BAZNAS ialah kerana tidak mengetahui mengenai BAZNAS. Situasi ini menyebabkan masyarakat tidak membayar zakat di BAZNAS. Maka, ini merupakan tugas BAZNAS untuk memberikan maklumat kepada masyarakat bahawa BAZNAS merupakan institusi zakat rasmi kerajaan dan mengajak masyarakat untuk membayar zakat kerana itu merupakan kewajipan.

## RUJUKAN

- Audit Ghazali, *Zakat Satu Tinjauan* (Petaling Jaya: IBS Buku Sdn Bhd, 1998).
- Amalia Amalia & Kasyful Mahalli, ‘Potensi dan Peranan Zakat dalam Mengentaskan Kemiskinan di Kota Medan,’ *Jurnal Ekonomi dan Keuangan*, 1/1 (2012): 70-87.
- BAZNAS, *Peraturan Pemerintah Republik Indonesia Nomor 14 tahun 2014*, <https://pusat.baznas.go.id/>, dicapai pada November 2016
- BAZNAS, *Peraturan BAZNAS Nomor 03 Tahun 2014*, <https://pusat.baznas.go.id/>, dicapai pada November 2016.
- Bob Sabran (terj.), *Manajemen Pemasaran*, (Jakarta: Erlangga, 2009).
- Hairunnizam Wahid & Radiah Abdul Kader, ‘Localization of Malaysian Zakat Distribution: Perception of Amil and Zakat Recipients,’ (Seventh International Conference - The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi, 2010).
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader, ‘Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati,’ *Jurnal Syariah*, 17/1 (2009): 1-17
- Hairunnizam Wahid, Radiah Abdul Kader & Sanep Ahmad, ‘Kesedaran Membayar Zakat: Apakah Faktor Penentunya?’ *IJMS* 12/2 (2005): 171-189.
- Hairunnizam Wahid, Radiah Abdul Kader & Sanep Ahmad, ‘Melokalisasikan Urus Tadbir Pengagihan Zakat: Peranan Institusi Masjid di Malaysia,’ *Asian Journal of Accounting and Governance*, 83/3 (2012): 71-83.
- Md Zyadi & Mariani Majid, ‘Prestasi Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia,’ (Pascasidang Seminar Pengeluaran Awam dan Swasta: Justifikasi dan Realiti di Malaysia, Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999).
- Muh Said, ‘Problematika Undang-Undang Zakat Indonesia Refleksi Misi al-Siyāsah al-Syar‘iyyah,’ *Jurnal Asy.syir’ah*, 43/11 (2009).

- Muhammad Syukri Salleh, ‘Lokalisasi Pengagihan Zakat: Satu Cadangan Teoretis,’ dalam *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian & Perundangan*, ed. Hailani Muji Tahir & Abdul Ghafar Ismail (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006).
- Nor Ghani Md Nor, Mariani Majid, Jaafar Ahmad & Nahid Ismail, *Can Privatization Improve Performance? Evidence from Zakat Collection Institutions* (Kertas kerja dibentangkan di Bengkel Ekonomi Islam Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001).
- Patmawati Ibrahim, ‘Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal,’ *Jurnal Syariah*, 16/2 (2008): 223-244.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamed, ‘Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia,’ *International Journal of Management Studies*, 13/2 (2006): 175-196.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid, ‘Kesan Prestasi Agihan oleh Institusi Formal ke Atas Kepatuhan Membayar Zakat,’ *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 39 (2005): 53-69.
- Sepky Mardian, ‘Pengelolaan Zakat di Indonesia: Perspektif Sejarah dan Regulasi,’ *Jurnal Hukum Islam dan Ekonomi*, 1/2 (Juli - September 2012): 309-324.
- Zaini Jamaludin, Nik Mutasim Nik Ab Rahman, Zafir Khan Muhammad Makbul & Fazli Idris, ‘Transformational Leadership Dimensions and Affective Commitment: A Study on Political Workers,’ (2<sup>nd</sup> International Conference on Management (2<sup>nd</sup> ICM 2012) Proceeding 11<sup>th</sup> - 12<sup>th</sup>, 2012).
- Zulkifli Daud & Sanep Ahmad, ‘Kesan Perundangan Zakat ke Atas Kepatuhan Bayaran Zakat: Ke Arah Strategi Berkesan Program Pengurusan Kutipan Zakat,’ (The 4<sup>th</sup> ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC), USM, 2010).
- Zulkipli Lessy, ‘Pemberdayaan Zakat Melalui Pendekatan Pendidikan Penanaman Nilai,’ *Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 2/1 (2005): 117-132.

